

Hayati BH-23/7/2007 perjuangan tokoh silam bela bangsa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak meminta generasi muda Melayu supaya menghayati perjuangan Umno dengan menghargai pemimpin terdahulu yang banyak berkorban untuk mempertahankan nilai perjuangan parti dalam membela bangsa.

Timbalan Presiden Umno berkata, walaupun persekitaran sekarang berbeza dengan ketika awal penubuhan parti pada 1946, generasi muda yang menjadi ahli parti mesti mempertahankan nilai perjuangan yang membolehkannya terus berkuasa.

Beliau berkata, pemerintahan selama 50 tahun sejak negara mencapai kemerdekaan sebenarnya bukan tempoh lama kerana ia masih tidak cukup untuk Umno dan Barisan Nasional (BN) meneruskan perjuangan membina negara serta membela bangsa.

"Apabila kita hendak membina negara bangsa, kita mahu membina peradaban dan tamadun yang hebat... bukan setakat pembangunan fizikal saja. Kita nak membina tamadun yang berjaya, disegani dan hebat.

"Kalau dulu orang kata orang Melayu malas, orang Melayu bodoh tetapi sekarang kita nak buktikan bahawa orang Melayu boleh bersaing di peringkat antarabangsa," katanya ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Ampang, di sini, semalam.

Sementara itu, Najib berkata, usaha mengesan dan menahan pendatang tanpa izin yang berada dalam negara terus ditingkatkan kerana kehadiran mereka menyumbang kepada kadar jenayah negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka yang ditahan di depot tahanan tetapi tidak membabitkan kesalahan jenayah, perlu dihantar segera ke negara asal masing-masing bagi mengatasi kesesakan di depot tahanan.

"Jika mereka tidak melakukan jenayah, kita hantar mereka balik segera untuk elak beban kewangan kerajaan semakin bertambah," katanya.